

21 JAN 2000

Osu-Umno

UMNO SABAH TIDAK MAHU CAMPUR ISU KEMASUKAN UMNO KE SARAWAK

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata Umno Sabah tidak akan mencampuri dalam persoalan sama ada Umno patut memasuki Sarawak atau sebaliknya, yang kini hangat diperdebatkan.

"Sebenarnya, kita tidak pernah memikirkan perkara itu. Biarlah kita serahkan kepada rakan-rakan komponen Barisan Nasional (BN) di Sarawak untuk menyelesaikan hal ini," katanya kepada pemberita selepas satu majlis memperingati mangsa-mangsa perang di Petagas, dekat sini.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata demikian ketika ditanya mengenai pendirian Umno Sabah berhubung isu kemasukan Umno ke negeri jiran itu.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan dengan jelas pendirian Umno bahawa jika ia hendak memasuki Sarawak keputusan itu hendaklah dibuat untuk kebaikan dan bukan menimbulkan masalah.

"Jadi, kita tetap berpegang kepada pendirian Perdana Menteri selaku Presiden Umno," katanya.

Baru-baru ini, bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh menggesa para pemimpin tempatan Sarawak agar tidak terburu-buru menolak idea kemasukan Umno ke negeri itu.

Dalam kenyataannya itu, beliau berkata kemasukan parti itu akan dapat menjamin kestabilan politik di negeri itu.

Bagaimanapun Pemuda Barisan Nasional (BN) Sarawak semalam membidas kenyataan Harris itu kerana "tidak mempunyai kewibawaan selain motif yang boleh dipersoalkan."

Dalam kenyataan bersamanya, pergerakan itu berkata kenyataan Harris itu tidak munasabah kerana beliau bukan anggota parti komponen BN.

Mengenai desas-desus rombakan kabinet negeri selepas sambutan Tahun Baru Cina akan datang, Osu berkata: "Saya tidakpun terpikir hal itu".

Ditanya sama ada kerajaan negeri akan mengisytiharkan 2 Feb ini, hari yang ditetapkan untuk pengisytiharan Kota Kinabalu sebagai bandar raya, sebagai cuti umum, beliau berkata perkara itu akan diputuskan dalam mesyuarat kabinet negeri pada 26 Jan.

-- BERNAMA

NT NMO